# KESUMBA UMS adakan Mesyuarat Agung hari ini

KOTA KINABALU: Kelab Suri Rumah dan Staf Wanita Universiti Malaysia Sabah (KESUMBA) akan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-16 pada hari ini (Jumaat) di Teratak KESUMBA UMS,

Mesyuarat tersebut yang bermula dari pukul 8.30 hingga 11.00 pagi akan membincangkan beberapa agenda termasuk pemilihan jawatankuasa baharu basi sesi 2013/2014.

Mesyuarat itu akan dirasmikan oleh Naib Canselor merangkap Penasihat Kelab itu, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah.

Sehubungan itu, semua ahli KESUMBA dijemput hadir bagi menjayakan Mesyuarat Agung berkenaan.